

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Kepada Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direkabentuk untuk memberikan anda beberapa maklumat penting mengenai insurans kemalangan peribadi anda.



Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga digalakkan membacanya.

Tarikh:

1 Apakah Kemalangan Peribadi Penunggang Motosikal Tambahan?

Kemalangan Peribadi Penunggang Motosikal Tambahan merupakan tambahan pilihan di bawah Polisi Motosikal. Ia menyediakan pampasan dan pembayaran balik kepada penunggang sekiranya berlaku kecederaan tubuh badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata oleh kemalangan semasa menaiki, menunggang atau turun dari motosikal persendirian.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, bagi premium tahunan sebanyak **RM23**, seorang lelaki berumur 30 tahun yang membeli Pelan MPA5 akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini meliputi :	Polisi ini tidak termasuk :
- Kematian Akibat Kemalangan – RM5,000 - Kecacatan Kekal – Sehingga RM5,000 - Elaun Kematian – RM1,000 - Bantuan Tepi Jalan - Tunda Kecemasan 24 jam – Sehingga RM300 - Pembaikan Kecil di Jalan Raya	- Perlumbaan (kecuali pencarian harta karun), rali, perentak perlumbaan (<i>pacemaking</i>), ujian kelajuan, penggunaan bagi tujuan yang berkaitan dengan perdagangan motor, untuk sewaan atau ganjaran - Kenderaan yang digunakan untuk membawa penumpang dengan bayaran - Sebarang tindakan keganasan Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah selama 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai polisi insurans kemalangan peribadi anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1300 13 2121 atau
+603 3007 2121



Layari laman web
kami di:
[Motorcycle | Generali
Malaysia](http://Motorcycle.GeneraliMalaysia.com)



E-mel kami di:
[customer.service.gi
@generali.com.my](mailto:customer.service.gi@generali.com.my)



Imbas kod
QR
di atas

**Maklumat BNMLINK untuk
aduan / pertanyaan:**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
(Luar Negara: +603 2174 1717)
Laman Web BNMLINK:
bnm.gov.my/BNMLINK

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk tambahan perlindungan kemalangan peribadi ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Perlindungan Standard	RM23 (tahunan)
Perlindungan Tambahan	-
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM23	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	T/B
Komisen (Hanya terpakai jika produk dijual melalui perantara)	10% daripada premium atau RM2.30
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM1.84

Kebolegunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

4 Terma Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta material sebagai pekerjaan dan aktiviti peribadi anda.
- **Had Umur:** Semua pemilik berdaftar kenderaan motosikal persendirian berumur antara 18 tahun hingga 75 tahun.
- **Penama:** Anda mesti mencalonkan penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan peribadi tersebut.
- **Tuntutan:** Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami dan memberikan kerjasama penuh kepada kami untuk menilai tuntutan anda.
- **Bayaran Sebelum Perlindungan:** Premium penuh mesti dibayar kepada kami atau pengantara kami yang sah sebelum tarikh kuat kuasa polisi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan memulangkan sebahagian daripada premium berdasarkan tempoh insurans yang belum tamat dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat.
- Jika sebarang tuntutan telah diluluskan sebelum pembatalan, tiada premium akan dikembalikan.